

# Greenspan akui ekonomi Malaysia cerah

BH 19 MAY 2002

Dari New York, Sabtu  
(18 Mei 2002):

LAPAN bulan selepas Peristiwa 11 September, Amerika Syarikat masih dalam keadaan kewaspadaan tetapi masih tidak senang (*uneasy*) dengan prosedur (peraturan) dan kos keselamatan di lapangan terbang dan tempat-tempat yang sensitif.

Waktu kemuncak, 10,000 askar atau satu division US National Guard (Pengawal Keselamatan Negara), selain daripada pengawal keselamatan lapangan terbang menjaga lapangan terbang seluruh Amerika Syarikat. Kini, mereka telah diundurkan. Pada hari Khamis lepas, saya melihat seorang saja National Guard di Reagan Airport Washington DC dan tiada seorang pun di Lapangan Terbang Kennedy (JFK) di New York. Namun begitu, pemeriksaan terus ketat – kasut diperiksa selain badan, bak kata pepatah: "dari hujung rambut ke hujung kaki".

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah disambut dengan baik oleh Presiden George W Bush, Naib Presiden Dick Cheney dan anggota kanan pentadbiran dan kabinetnya serta *power elite* (orang berkuasa, berpengaruh dan elit) di Washington. Sasarannya tercapai: mengeratkan kembali persahabatan di antara Kuala Lumpur dan Washington yang menjadi dingin kerana kerena Al Gore empat tahun lalu. Al Gore sekarang cuba muncul kembali dalam dunia politik Amerika Syarikat tetapi saya kira peluangnya sama tipis dengan Tan Sri Musa Hitam untuk kembali bertapak di pentas politik nasional. Mungkin saya salah, sama-sama kita lihat pada tahun 2004.

Sambutan yang diberi kepada Dr Mahathir – terhormat – jelas menunjukkan Perdana Menteri walaupun dia terus bebas dan berani menyuarakan pendapatnya dengan tegas dan kurang disenangi oleh sesetengah pihak, dia tetap dipandang sebagai seorang negarawan Islam yang *moderate* (sederhana) yang terbilang dari sebuah negara Islam contoh – maju, moden dan berpendidikan; tidak satu bangsa yang petah berbicara tetapi tidak pandai atau tidak mahu kotakan apa yang dicakap oleh pemimpinnya.

Mereka yang bencikan Perdana Menteri di dalam dan luar negara terus berkempen memomokkannya - kononnya Malaysia menekan hak asasi manusia (human rights), Dr Mahathir kejam kerana tidak mahu menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), tidak membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menyalahgunakan kuasa dan tidak

bijak mengendalikan perbendaharaan dan ekonomi. Susahlah kalau golongan ini mahu terus bersikap seperti katak di bawah tempurung; tidak mahu menerima kenyataan. Sila celikkan mata, membaca dan kalau ada peluang melawat negara-negara jiran. Jika selepas itu sikap dan pendekatan mereka tidak juga berubah, mereka sengaja *recalcitrants* atau keras kepala. Lebih baik berhijrah saja ke mana yang mereka rasa tempat itu lebih bebas, elok, sentosa, cekap, amanah dan bersih.

Apakah mereka ini kalau pun amat membenci Dr Mahathir tidak mahu menerima kenyataan dan apa kata orang lain? (yang bukan semuanya suka sangat kepada kita tetapi kerana mereka realis mereka menerima *realpolitik* dan realiti).

Alan Greenspan, Pengerusi Federal Reserve (lebih kurang sama dengan Gabenor Bank Negara AS) yang neminta mahu berjumpa Dr Mahathir telah berkata dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri bahawa Dr Mahathir mengendalikan ekonomi negara sebaik mungkin dalam situasi kita, satu contoh bagi negara membangun dan dunia Islam. Tiada sebab bagi Greenspan mahu membodek atau memuji Dr Mahathir kalau dia tidak benar-benar yakin yang ekonomi kita bagus, sedang meningkat dan masa depan cerah sepanjang yang dapat diramalkan. Dunia menganggap Greenspan insan yang paling berpengaruh dalam ekonomi dan kewangan antarabangsa hingga dikatakan apabila dia bersin dunia akan dapat flu (demam dan batuk).

“Tiada sebab bagi Greenspan mahu membodek atau memuji Dr Mahathir kalau dia tidak benar-benar yakin yang ekonomi kita bagus, sedang meningkat dan masa depan cerah sepanjang yang dapat diramalkan”

## Greenspan puji Dr Mahathir

Saya diberitahu, Dr Mahathir telah berkata kepada Greenspan bahawa sudah tentu amat susah dan sukar mentadbir ekonomi kuasa besar terunggul. Saya melaporkan apa yang berkaitan dengan kita saja - dia menegaskan bahawa Perdana Menteri sudah dan sedang mentadbir ekonomi dan kewangan negara dengan baik, meramalkan masa depan iktisad kita cerah. Tambahnya, meramalkan sesuatu amat sukar tetapi membuat tekaan perlu berdasarkan fakta-fakta yang ada dan arah tuju ekonomi dunia yang juga cerah masa depannya.

Nasihatnya – bagai seorang profesor dan Greenspan dipandang sebagai satu minda yang paling cerdas dan praktikal di dunia – ialah sebuah kerajaan dan seorang pemimpin wajar ada pilihan (alternatif) bagi menangani sesuatu masalah apabila pelan atau ramalan tidak terlaksana, tidak menjadi kenyataan.

Yang penting, kata seorang pegawai yang hadir dalam pertemuan itu kepada saya walaupun secara tidak langsung Greenspan memuji *fixed exchange rates* (kadar tambatan ringgit) kita pada kadar RM3.80 dengan satu dolar AS. Greenspan bermadah setiap negara berhak menyelesaikan sebarang masalah dengan cara tersendiri dan yang penting cara itu berjaya. Apa yang baik bagi AS tidak semestinya terbaik kepada Jepun dan kalau pun baik, tiada siapa yang boleh memaksa Jepun mengikutinya.

Apa yang tersirat atau tidak dinyatakan ialah kalau satu bang-

sa itu kuat, gagah dan ada keyakinan pada diri sendiri seperti kita (walaupun kita tidak segagah Jepun), kita akan berjaya dan kita harus menolak tekanan. Apa telah terjadi kepada negara-negara (Argentina dan Indonesia) yang menerima dasar kewangan dan ekonomi yang dipaksa ke atas mereka oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia?

Dr Mahathir dan Malaysia dianggap sebagai satu negarawan dan negara Islam yang amat berjaya walaupun wujud pelbagai masalah kerana pendekatan kerajaan dan rakyatnya pragmatik. Malaysia dipandang tinggi kerana berjaya menumpaskan keganasan komunis pada zaman darurat dan kini dapat pula mengawal keganasan hasil ketegasan pelaksanaan polisi dan kepemimpinan Dr Mahathir. Dari Bush ke bawah, mereka meminta pandangan Perdana Menteri mengenai cara melawan dan mengatasi keganasan kerana Dr Mahathir punya *zero tolerans* terhadap segala bentuk, corak dan warna keganasan.

### Diterima kembali oleh White House

*Terraviva*, iaitu jurnal di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyiarkan analisis tentang lawatan Perdana Menteri di muka depannya bertajuk 'Mahathir Gets White House Rehabilitation' (Mahathir diterima kembali), telah menekan bahawa Dr Mahathir disambut mesra di White House oleh Bush sebagai rakan seperjuangan dalam me-

merangi keganasan. Tidak cukup dengan itu, analisis itu berkata Dr Mahathir telah menegaskan dalam majlis bangkuasi (jamuan makan malam) yang dihadiri lebih kurang 250 orang ahli perniagaan dan korporat AS tentang keburukan keganasan (*evils of terrorism*). Madahnya: "...keganasan termasuk serangan oleh askar Israel terhadap orang awam di Jenin dan lokasi dan daerah lain". Pidatonya telah diberi *ovation* (tepukan bersemangat). Sebelum itu, Bush telah menegaskan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh dalam satu perutusan yang ditandatangani dan dibaca dalam majlis itu dan teksnya disebarkan kepada tetamu. Apabila tamat, Dr Mahathir mendapat *ovation* beberapa minit; tetamu berdiri dan bertepuk bersungguh-sungguh.

### Seia dan sehati... zero tolerans terhadap keganasan

Dalam melawan keganasan, Dr Mahathir dan Bush jelas seia dan sehati. Dia juga telah menggesa agar penubuhan sebuah negara Palestin dipercepatkan kerana pembentukannya boleh membantu menyelesaikan sebahagian besar keganasan. AS bersetuju pada dasarnya pembentukan negara Palestin, tetapi terpulang kepada perundingan di antara Israel dengan kepemimpinan Palestin. AS tetap menyokong formasi negara Palestin walaupun Parti Likud, parti yang memerintah Israel tidak bersetuju.

### Dr Mahathir gesa Bush bantu Indonesia

Saya difahamkan Bush dan pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat yang lain turut meminta pan-

dangan Dr Mahathir berkenaan Indonesia. Ceritanya, keadaan di Indonesia membimbangkan AS kerana akhir-akhir ini telah timbul kumpulan-kumpulan pelampau Islam di negara sekular yang berteraskan Pancasila. Perdana Menteri menggesa Bush agar membantu Indonesia seboleh mungkin bagi kestabilan politik dan ekonomi yakni menolong Indonesia menjadi makmur.

Terpenting negara tetangga yang paling ramai penduduk Islam di dunia sentiasa dalam keadaan teguh, makmur, demokratik dan kepemimpinannya serta bakal pemimpinnya, baik awam dan tentera, diberi latihan oleh Barat dalam proses pemerintahan ala demokrasi bagi memperkuatkan demokrasi yang telah mulai berkembang itu.

Kita mahu negara serumpun itu stabil, ekonominya baik, rakyatnya senang kerana seandainya jiran kita terus bermasalah, ia boleh mengugut keamanan serantau.

### Imam Omar seru derma terus pada masjid

Saya bersama Datuk Hasmy Agam, Wakil Tetap kita di PBB dan rakan sejawat semasa saya menjadi Duta Khas ke PBB menunaikan fardu Jumaat di Masjid Sentral New York di mana Hasmy adalah Pengerusi Jawatankuasa Kewangannya dan Wakil Tetap Kuwait menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kerja masjid itu.

Khutbah Imam Omar Abu Numous baik berkenaan janji kita dengan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, peranan kita dalam dunia dan jangan teringat begitu senang masuk syurga: Allah akan menguji dan tiada apa yang senang. Mana peperiksaan mudah? Apatah lagi yang diurus Allah sendiri. Imam baru ini telah

mengganti kawan saya, dia telah pulang ke Kaherah selepas Peristiwa 11 September. Omar jelas lebih sederhana berbanding kawan saya itu. Apa pun saya tidak pernah mendengar seorang imam di mana-mana pun begitu tegas. Selepas doa khutbah, Omar telah meminta jemaah jangan bersedekah kepada peminta-peminta sedekah di luar pagar masjid. Dermalah melalui peti-peti yang disediakan oleh pentadbiran masjid bagi khairat dan sedekah agama. Sebabnya: mereka di luar meminta sedekah itu adalah terdiri dari "fakir profesional"; setiap bulan beribu dolar mereka kutip untuk kepentingan mereka sendiri.

Saya lazimnya di mana pun menderma terus kepada masjid kecuali pada pandangan saya fakir itu benar-benar wajar diberi sedekah. Sungguhpun imam menasihatkan demikian, ada juga yang bersedekah kepada mereka yang antaranya nampak segar bugar.

Terfikir juga kenapa kita hanya dapati peminta sedekah di masjid di merata dunia termasuk di Makkah dan Madinah tetapi tidak ada di sekitar gereja dan kuil? Saya kadangkala berasa malu baik di New York, Washington, di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Madinah. Di Kuala Lumpur, dua minggu lepas saya solat Jumaat di Masjid Abu Bakar As-Sidik, Bangsar dan ramai peminta sedekah perempuan diiringi anak dan bayi. Kebetulan seorang ahli jawatankuasa masjid yang kenal saya barangkali membaca ketidaksenangan saya, lalu berkata: "Orang Myanmar." Kalau orang Melayu lagilah terasa saya. Majoriti mereka ini seperti kaan Tok Imam Omar adalah 'fakir profesional'. Kenapa kita membiarkan ini berlaku? Sebab orang Melayu murah hati dan amat senang dieksploitasi.

Hari ini, sebelum Zuhur di Masjid Sentral diadakan syarahan mengenai kesihatan dan *nutrition* dari perspektif Islam oleh tiga doktor, dua lelaki dan satu wanita. Sayang, saya terpaksa terbang ke London pada masa yang sama. Kalau tidak saya mahu hadir kerana saya rasa saya makan amat berlebihan walaupun saya sedar sabda Rasulullah yang bermaksud: makanlah dengan sederhana. Adakah di masjid kita kegiatan seperti ini? Imbangilah syarahan agama dengan subjek duniawi bukan mengenai agama saja. Jemputlah doktor, peguam, saintis dan lain-lain profesional beri syarahan di masjid-masjid bukannya ustaz-ustaz saja.